

11/11/1999

Fadzil tidak terkejut pembubaran

Ahmad Zaini Kamaruzzaman; Hassan Omar; Al-Abror Mohd Yusuf  
KUALA LUMPUR, Rabu - Presiden Pas, Datuk Fadzil Noor, tidak terkejut dengan pembubaran Parlimen berkuatkuasa esok kerana parti itu memang menjangka pilihan raya umum akan diadakan tahun ini.

"Ia tidak berapa mengejutkan kerana kita memang menjangka pilihan raya akan diadakan antara September hingga sebelum Ramadan.

"Ini bagi mengelakkan penggunaan daftar baru pemilih, termasuk 650,000 pengundi baru yang menurut Suruhanjaya Pilihan Raya (SPR) hanya boleh mengundi selepas Januari depan," katanya sambil mendakwa kebanyakan pengundi baru itu tidak menyokong Barisan Nasional (BN).

Bercakap kepada pemberita di Alor Star hari ini, Fadzil berkata, Pas serta barisan alternatif sudah bersedia menghadapi pilihan raya dan meminta SPR serta BN memastikan ia dilaksanakan secara adil tanpa sebarang penipuan.

Beliau juga mencabar Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad meletakkan jawatan sebagai Perdana Menteri dan berkempen serta bertanding sebagai Presiden Umno dan Pengerusi BN seperti yang pernah dilakukan Tunku Abdul Rahman pada pilihan raya pertama 1959.

Selain itu, beliau meminta SPR memberi tempoh 10 hari kepada semua parti membuat persiapan sebelum hari penamaan calon dan menetapkan 14 hari sebagai tempoh berkempen.

Katanya, Pas akan mengadakan mesyuarat Jumaat ini bagi membincangkan persiapan pilihan raya manakala pakatan barisan alternatif mengadakan pertemuan di Kuala Lumpur, esok.

Sementara itu, Ahli Parlimen Pas Kubang Kerian Mohamad Sabu dipetik Bernama sebagai berkata beliau mungkin bertanding kawasan Parlimen di Perlis.

Ditanya mengapa tidak di Kelantan, beliau berkata: "Bukan tak mahu tapi kedudukan Pas di Kelantan sudah kuat."

Ditanya negeri mana yang Pas yakin boleh tawan, beliau berkata: "Kelantan 100 peratus manakala Kedah dan Terengganu, 50-50".

Ketika ditanya pula kawasan mana yang Pas tiada harapan menang, beliau berkata: "Kalau dapat satu kerusi di Johor pun, kita akan korban 42 ekor lembu."

Ditanya kenapa 42 ekor, katanya: "Sebab Pas tunggu 42 tahun untuk mendapat sekurang-kurangnya satu kerusi di Johor."

Timbalan Presiden Parti Demokratik Malaysia (MDP) Liew Ah Kim pula berkata beliau akan mempertahankan kerusinya di Seputeh yang dimenangnya dulu sebagai calon DAP.

Bagaimanapun, kata putus akan dicapai pada mesyuarat parti itu malam ini.

Liew berkata MDP akan hanya bertanding di beberapa kawasan di Lembah Klang kerana ia parti baru dan peruntukan kewangan tidak mengizinkan.

Timbalan Presiden Parti Keadilan Nasional (Keadilan) Dr Chandra Muzaffar pula berharap SPR akan berusaha menjadikan pilihan raya tahun ini sebagai yang paling bersih dalam sejarah negara.

"SPR dalam pilihan raya umum ini juga tidak harus membiarkan mereka dipergunakan oleh pihak tertentu," katanya.

Presiden Parti Rakyat Malaysia (PRM), Syed Husin Ali, pula yakin barisan alternatif dapat menjejaskan peluang Barisan Nasional (BN) untuk mendapat majoriti dua pertiga dalam pilihan raya umum kali ini.

Walaupun tidak mengharap kemenangan dalam pilihan raya kali ini,

beliau yakin prestasi pembangkang secara keseluruhan akan lebih baik berbanding pilihan raya terdahulu.

Katanya, PRM dan parti pembangkang lain sudah bersiap sedia bagi menghadapi pilihan raya kali ini.

"Barisan alternatif sudah ada jalinan kerjasama yang rapat sejak dulu lagi tetapi tahun ini, paling rapat dan lebih mantap. Kami sudah memulakan kempen dan mengedarkan risalah bagi menghadapi pilihan raya ini," katanya.

Beliau berharap pilihan raya kali ini akan berjalan secara lebih adil dan bersih.

Di GEORGETOWN, Timbalan Setiausaha Agung DAP, Chong Eng, berkata beliau terkejut apabila Dr Mahathir mengambil keputusan membubarkan Parlimen ketika Dewan Rakyat masih bersidang.

Katanya, mengikut amalan biasa, pembubaran seperti itu hanya dilakukan apabila ahlinya membuat usul tidak percaya terhadap kerajaan.

"Ia tidak pernah berlaku jika semata-mata untuk mengadakan pilihan raya umum. Pembubaran seperti ini hanya menafikan hak wakil rakyat bersidang dan membazirkan wang rakyat," katanya.

Di KOTA KINABALU, Parti Bersatu Sabah (PBS) tidak akan menyertai barisan alternatif kerana sudah mewujudkan persefahaman bagi memastikan berlaku pertandingan satu lawan satu antara pembangkang dengan BN di semua 20 kerusi Parlimen di Sabah.

Presidennya, Datuk Joseph Pairin Kitingan, berkata pihaknya tidak mengadakan sebarang pakatan rasmi dengan barisan alternatif, sebaliknya hanya persefahaman dalam bentuk yang longgar.

Malah, katanya, PBS bersedia menyokong manifesto BN atau barisan alternatif sekiranya ia memberi kebaikan terhadap kepentingan dan hak rakyat Sabah.

"Pendekatan kami ialah apa sahaja yang baik untuk Sabah, kami sokong," katanya dalam sidang akhbar di kediamannya.

(END)